

Lencana

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

.....

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021

1449/1

MATHEMATICS

Kertas 1

Oktober 2021

$1\frac{1}{2}$ jam

Satu jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini adalah dalam dwibahasa.*
2. *Soalan dalam Bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam Bahasa Inggeris*
3. *Calon dikehendaki membaca maklumat di halaman 2 kertas soalan ini.*

Kertas soalan ini mengandungi 31 halaman bercetak

INFORMATION FOR CANDIDATES
MAKLUMAT UNTUK CALON

1. This question paper consists of **40** questions.
*Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. Answer **all** questions.
*Jawab **semua** soalan.*
3. Answer each question by blackening the correct space on the objective answer sheet.
Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan objektif.
4. Blacken only **one** space for each question.
*Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. If you wish to change your answer, erase the blackened mark that you have done. Then blacken the space for the new answer.
Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
6. The diagrams in the questions provided are not drawn to scale unless stated.
Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
7. A list of formulae is provided on pages 3 to 6.
Satu senarai rumus disediakan di halaman 3 hingga 6.
8. You may use a non-programmable scientific calculator.
Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

RUMUS MATEMATIK
MATHEMATICAL FORMULAE

Rumus-rumus berikut boleh membantu anda menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.

The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used.

NOMBOR DAN OPERASI
NUMBERS AND OPERATIONS

- | | |
|---|---|
| 1 $a^m \times a^n = a^{m+n}$ | 2 $a^m \div a^n = a^{m-n}$ |
| 3 $(a^m)^n = a^{mn}$ | 4 $a^{\frac{m}{n}} = (a^m)^{\frac{1}{n}}$ |
| 5 Faedah mudah / <i>Simple interest</i> , $I = Prt$ | |
| 6 Faedah kompaun / <i>Compound interest</i> , $MV = P(1 + \frac{r}{n})^{nt}$ | |
| 7 Jumlah bayaran balik / <i>Total repayment</i> , $A = P + Prt$ | |

PERKAITAN DAN ALGEBRA
RELATIONSHIP AND ALGEBRA

- | | |
|--|--|
| 1 Jarak/ <i>Distance</i> = $\sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}$ | |
| 2 Titik tengah / <i>Midpoint</i> $(x, y) = \left(\frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2} \right)$ | |
| 3 Purata laju = $\frac{\text{jarak dilalui}}{\text{masa yang diambil}}$

<i>Average speed</i> = $\frac{\text{distance travelled}}{\text{time taken}}$ | |
| 4 $m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}$ | |
| 5 $m = -\frac{\text{pintasan} - y}{\text{pintasan} - x}$

$m = -\frac{y - \text{intercept}}{x - \text{intercept}}$ | |
| 6 $A^{-1} = \frac{1}{ad - bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix}$ | |

SUKATAN DAN GEOMETRI
MEASUREMENT AND GEOMETRY

- 1 Teorem Pythagoras / *Pythagoras Theorem*, $c^2 = a^2 + b^2$
- 2 Hasil tambah sudut pedalaman poligon / *Sum of interior angles of a polygon*
 $= (n - 2) \times 180^\circ$
- 3 Lilitan bulatan $= \pi d = 2\pi r$
Circumference of circle $= \pi d = 2\pi r$
- 4 Luas bulatan $= \pi r^2$
Area of circle $= \pi r^2$
- 5 $\frac{\text{Panjang lengkok}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$
 $\frac{\text{Arc length}}{2\pi r} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- 6 $\frac{\text{Luas sektor}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$
 $\frac{\text{Area of sector}}{\pi r^2} = \frac{\theta}{360^\circ}$
- 7 Luas layang-layang $= \frac{1}{2} \times$ hasil darab panjang dua pepenjuru
Area of kite $= \frac{1}{2} \times \text{product of two diagonals}$
- 8 Luas trapezium $= \frac{1}{2} \times$ hasil tambah dua sisi selari $\times$ tinggi
Area of trapezium $= \frac{1}{2} \times \text{sum of two parallel sides} \times \text{height}$
- 9 Luas permukaan silinder $= 2\pi r^2 + 2\pi rh$
Surface area of cylinder $= 2\pi r^2 + 2\pi rh$
- 10 Luas permukaan kon $= \pi r^2 + \pi rs$
Surface area of cone $= \pi r^2 + \pi rs$
- 11 Luas permukaan sfera $= 4\pi r^2$
Surface area of sphere $= 4\pi r^2$
- 12 Isi padu prisma $=$ luas keratan rentas $\times$ tinggi
Volume of prism $= \text{area of cross section} \times \text{height}$
- 13 Isi padu silinder $= \pi r^2 h$
Volume of cylinder $= \pi r^2 h$

14 Isi padu kon = $\frac{1}{3} \pi j^2 t$

Volume of cone = $\frac{1}{3} \pi r^2 h$

15 Isi padu sfera = $\frac{4}{3} \pi j^3$

Volume of sphere = $\frac{4}{3} \pi r^3$

16 Isi padu piramid = $\frac{1}{3} \times \text{luas tapak} \times \text{tinggi}$

Volume of pyramid = $\frac{1}{3} \times \text{base area} \times \text{height}$

17 Faktor skala, $k = \frac{PA'}{PA}$

Scale factor, $k = \frac{PA'}{PA}$

18 Luas imej = $k^2 \times \text{luas objek}$

Area of image = $k^2 \times \text{area of object}$

STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN STATISTICS AND PROBABILITY

1 Min/ Mean, $\bar{x} = \frac{\sum x}{N}$

2 Min/ Mean, $\bar{x} = \frac{\sum fx}{f}$

3 Varians/ Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N} = \frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2$

4 Varians/ Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f} = \frac{\sum fx^2}{\sum f} - \bar{x}^2$

5 Sisihan piawai/ Standard deviation, $\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}} = \sqrt{\frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2}$

6 Sisihan piawai/ Standard deviation, $\sigma = \sqrt{\frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f}} = \sqrt{\frac{\sum fx^2}{\sum f} - \bar{x}^2}$

7 $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$

8 $P(A') = 1 - P(A)$

Jawab **semua** soalan

- 1 Keluasan negara Malaysia ialah $330\,803\,000\,000\text{ m}^2$. Nyatakan keluasan tersebut dalam bentuk piawai betul kepada tiga angka bererti.
- A $3.30 \times 10^{12}\text{ m}^2$
- B $3.31 \times 10^{11}\text{ m}^2$
- C $3.30 \times 10^{10}\text{ m}^2$
- D $331 \times 10^9\text{ m}^2$
- 2 Rajah 2 menunjukkan sebiji bola dengan diameter $1.48 \times 10^2\text{ mm}$. Hitungkan luas permukaan bola itu, dalam mm^2 . Nyatakan jawapan anda dalam bentuk piawai betul kepada empat angka bererti. [Luas permukaan sfera = $4\pi r^2$ dan $\pi = 3.142$]




Rajah 2

- A 6.882×10^4
- B 2.753×10^5
- C 1.860×10^6
- D 1.480×10^7

- 3 Encik Bilal menyimpan sebanyak RM9 000 di Bank Juara dengan kadar faedah 3.5% setahun. Hitung jumlah simpanan Encik Bilal selepas beliau menyimpan selama 4 tahun
- A** RM1 260
B RM2 160
C RM10 260
D RM12 060
- 4 Cik Anggun bekerja sebagai seorang pensyarah. Beliau menerima pendapatan sebanyak RM3 500. Beliau juga menjadi tutor swasta dan memperoleh pendapatan sebanyak RM1 000. Cik Anggun juga menyewakan rumahnya sebanyak RM850 sebulan. Cik Anggun mempunyai perbelanjaan tetap sebanyak RM1 200 dan perbelanjaan tidak tetap sebanyak RM600 sebulan. Hitungkan aliran tunai bulanan Cik Anggun
- A** RM3500 (Aliran Tunai Positif)
B RM3550 (Aliran Tunai Positif)
C RM3530 (Aliran Tunai Negatif)
D RM3350 (Aliran Tunai Negatif)
- 5 En Samsul memiliki sebuah rumah kediaman di Taman Sri Lambak . Dia menerima bil cukai pintu daripada Majlis Perbandaran Kluang Utara. Diberi bahawa nilai tahunan ialah RM6 790 dan kadar cukai pintu ialah 5%. Hitung cukai pintu yang perlu dibayar oleh En Samsul untuk setiap setengah tahun.
- A** RM339.50
B RM393.55
C RM296.65
D RM169.75

- 6 Rajah 6 menunjukkan sebuah graf jarak-masa yang menunjukkan perjalanan sebuah kereta dari bandar P ke bandar Q dalam masa 75 minit.




Rajah 6

Nyatakan laju, dalam km/minit, kereta tersebut dalam setengah jam pertama.

- A 0.5
- B 2.0
- C 2.5
- D 3.0

- 7 Rajah 7 menunjukkan sebuah graf laju–masa yang menunjukkan pergerakan suatu zarah dalam masa $(t + 3)$ saat




Rajah 7

Diberi bahawa laju seragam bagi zarah itu adalah $30\ ms^{-1}$ dan jarak yang dilalui dalam 20 saat pertama ialah 450 m. Jika jumlah jarak yang dilalui adalah 690 m carikan nilai v dan nilai t .

- A $v = 30$ dan $v = 5$
- B $v = 28$ dan $v = 8$
- C $v = 20$ dan $v = 10$
- D $v = 15$ dan $v = 20$

- 8 Rajah 8 menunjukkan sebahagian daripada graf fungsi kuadratik $f(x) = 2x^2 + 5x - 12$




Rajah 8

Berdasarkan graf fungsi kuadratik dalam Rajah 8 , tentukan nilai a dan nilai b .

- A** $a = -2$ dan $b = 5.5$
- B** $a = -3$ dan $b = 4.5$
- C** $a = -4$ dan $b = 1.5$
- D** $a = -12$ dan $b = 6.5$
- 9 P berubah secara langsung dengan q dan kuasa dua r . Diberi $P = 150$, $q = 3$ dan $r = 5$, ungkapkan P dalam sebutan q dan r .
- A** $P = 2q\sqrt{r}$
- B** $P = 2qr^2$
- C** $P = \frac{1}{2}q\sqrt{r}$
- D** $P = \frac{1}{2}qr^2$

- 10** Rajah 10 menunjukkan satu garis lurus LM di atas suatu satah Cartes




Rajah 10

Cari kecerunan bagi garis lurus LM .

- A** -2
- B** $-\frac{1}{2}$
- C** $\frac{1}{2}$
- D** 2

- 11 Rajah 11 menunjukkan dua sisi empat dilukis pada grid segi empat sama. Segi tiga PQR ialah imej bagi segi tiga JKL dibawah suatu pembesaran.




Rajah 11

Tentukan pusat pembesaran itu.

- . A (4, 3)
B (4, 4)
C (5, 2)
D (5, 3)

12 Rajah 12 menunjukkan satu graf bagi fungsi trigonometri $y = a \sin bx$.




Rajah 12

Tentukan nilai a dan nilai b .





- A** $a = 2, b = 3$
- B** $a = 3, b = 2$
- C** $a = 2, b = 1$
- D** $a = 1, b = 2$

- 13** Rajah 13 menunjukkan kawasan lapang yang terletak di suatu taman permainan berbentuk segi empat tepat $PQRS$ berukuran $100\text{ m} \times 80\text{ m}$.




Rajah 13

Sebuah dron diterbangkan dari titik P dan jarak maksimum dron itu ialah 90 m . Antara rantau yang manakah rantau yang boleh dicapai oleh dron itu.




14 Antara yang berikut yang manakah merupakan satu teselasi?


A




B




C



D



- 15 Rajah 15 ialah graf terarah berpemberat menunjukkan kedudukan enam buah rumah di sebuah kampung.




Rajah 15

Azman bergerak pulang dari rumah rakannya, Danish di H , untuk ke rumahnya di A dengan menaiki basikal. Apabila tiba di E , Azman mendapati bukunya tertinggal di rumah Danish.

Hitung jarak terdekat, dalam km, perjalanan Azman dari E , ke rumah Danish seterusnya pulang kerumahnya.

- A 5.5
- B 7.0
- C 8.0
- D 8.3

- 16 Rajah 16 adalah sebuah gambarajah Venn yang menunjukkan unsur bagi set semester, ξ , set P dan set Q .




Rajah 16

Senaraikan semua unsur bagi set $(P \cap Q)'$.

- A $\{j, l, m, n, s, t\}$
 - B $\{j, l, n, s, t\}$
 - C $\{j, t\}$
 - D $\{k, m\}$
- 17 Antara berikut, yang manakah pernyataan yang benar?
- A Menara Kuala Lumpur ialah menara paling tinggi di Malaysia.
 - B Tolong hantar buku kerja.
 - C Bagaimanakah anda datang ke sekolah?
 - D $x + 5 = 3$

- 18 Rajah 18 menunjukkan graf garis bagi tinggi sebatang pokok dalam tempoh tujuh tahun yang dibuat oleh seorang ahli botani di kawasan hutan hujan tropika.




Rajah 18

Berapakah pertambahan tinggi pokok itu dalam tempoh tujuh tahun?

- A 6.5 m
- B 7.5 m
- C 8.5 m
- D 9.5 m

- 19 Rajah 19 menunjukkan sebuah plot kotak.



Rajah 19

Nyatakan julat antara kuartil


- A 2
 B 3
 C 4
 D 5
- 20 Sebuah kedai buah-buahan menjual 25 biji buah tembikai, 30 tandan pisang dan 15 biji buah manggis dalam masa seminggu, Hitung kebarangkalian cenderamata yang terjual selain buah tembikai.

- A $\frac{8}{15}$
 B $\frac{8}{14}$
 C $\frac{9}{15}$
 D $\frac{9}{14}$

- 21 Diberi bahawa $m^4 n^a \div m^b n^5 = m^2 n$. Cari nilai a dan nilai b

- A $a = 6$, $b = 2$
 B $a = 5$, $b = 1$
 C $a = 2$, $b = 6$
 D $a = 1$, $b = 5$

- 22 Rajah 22 menunjukkan sebuah tangga PQ disandarkan pada dinding bangunan. Panjang tangga PQ ialah 2.5 m dan jarak kaki tangga dari dinding ialah 0.7 m. Apabila bahagian atas tangga itu tergelincir ke bawah sebanyak h m, jarak kaki tangga dari dinding ialah 1.5 m.




Rajah 22


Cari nilai h .

- A 0.1 m
B 0.4 m
C 0.8 m
D 1.2 m
- 23 Dua garis lurus $y = -4x + 11$ dan $y = -px + 10$ bersilang pada titik $(2, q)$. Cari nilai q
- A -3
B 4
C 3
D -4

- 24** Rajah 24(i) menunjukkan sebuah segi tiga sama kaki dengan panjang tapak $4y$ cm dan tinggi $(y+5)$ cm. Rajah 24(ii) menunjukkan sebuah segi empat sama dengan panjang sisi y cm. Diberi luas segi tiga melebihi luas segi empat sama sebanyak 39 cm^2 . Hitung beza perimeter bagi kedua-dua bangunan tersebut.




Rajah 24(i)



Rajah 24(ii)

- A** 50 cm
- B** 40 cm
- C** 30 cm
- D** 20 cm

25 Rajah 25 menunjukkan rantau berlorek itu ditakrifkan oleh tiga ketaksamaan.




Rajah 25

Antara yang berikut yang manakah benar ?

- I Titik (4,2) terletak di dalam rantau berlorek.
- II Titik (0,2) tidak terletak di dalam rantau berlorek.
- III Tiga ketaksamaan yang mentakrifkan rantau berlorek itu ialah $y \geq 2$, $x < 4$ dan $y \leq x + 2$.

- A III sahaja
- B I dan II sahaja
- C I dan III sahaja
- D II dan III sahaja

- 26** Rajah 26 menunjukkan makanan yang dijual oleh kedai makanan di IKEA Johor Bahru. Harga sepinggan meatball ialah RM 15 dan harga sepinggan ayam panggang ialah RM 25. Diskaun sebanyak 10% diberikan kepada pelanggan tetap IKEA yang mempunyai kad keahlian apabila membeli makanan pada hari tersebut. Rumus jualan, z , bagi ahli dan pelanggan tetap IKEA yang ingin membeli x pinggan meatball dan y pinggan ayam panggang boleh ditulis sebagai.....



Rajah 26

- A** $z = 13.5x + 22.5y$
B $z = 15x + 25y$
C $z = 22.5x + 13.5y$
D $z = 25y + 15x$
- 27** Diberi bilangan pekerja, x yang diperlukan untuk memasang jubin sebuah rumah berubah secara songsang dengan bilangan hari, y , untuk menyiapkan kerja tersebut. Jika jubin di rumah tersebut berjaya dipasang dalam tempoh 12 hari oleh 2 orang pekerja, nyatakan bilangan hari yang diperlukan dengan kekuatan 8 orang pekerja?
- A** 24
B 3
C 12
D 8

28 $\begin{pmatrix} 2 & 4 \\ -3 & 7 \end{pmatrix} - 3\begin{pmatrix} 5 & -2 \\ -4 & 1 \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} -2 & -3 \\ 4 & -1 \end{pmatrix} =$


A $\begin{pmatrix} -15 & 9 \\ 13 & 3 \end{pmatrix}$

B $\begin{pmatrix} -15 & -2 \\ 13 & 3 \end{pmatrix}$

C $\begin{pmatrix} -15 & 7 \\ 13 & 3 \end{pmatrix}$

D $\begin{pmatrix} -15 & 7 \\ -13 & -3 \end{pmatrix}$

- 29 Rajah 29 menunjukkan dua tangen kepada suatu bulatan berpusat di O masing-masing di J dan L .



Rajah 29

Cari nilai x dan nilai y .


A $x = 70^\circ, y = 45^\circ$

B $x = 65^\circ, y = 50^\circ$

C $x = 70^\circ, y = 55^\circ$

D $x = 60^\circ, y = 55^\circ$


- 30** Rajah 30 menunjukkan dua bulatan, P dan Q yang dilukis dengan skala $3 : m$.




Rajah 30

Diberi luas bulatan P dan bulatan Q , masing-masing ialah 3850 cm^2 dan 1386 cm^2 .
Hitung nilai m .

- A** 5
B $\frac{1}{5}$
C 7
D 9
- 31** Rajah 31(a) menunjukkan suatu unjuran ortogon bagi suatu gabungan kubus pada Rajah 31(b)




Rajah 31(a)



Rajah 31(b)

Antara pandangan sisi **A**, **B**, **C** dan **D**.
 Yang manakah menunjukkan unjuran ortogon itu.

32 Rajah 32 menunjukkan Set J , set K dan set L .



Rajah 32

Pilih operasi set yang tepat berdasarkan Gambarajah Venn yang diberi.

- A $(J \cup K)' \cap (K \cup L)$
- B $(J \cap K)' \cap (K \cup L)$
- C $(J \cap K) \cap (K \cup L)$
- D $(J \cup K) \cap (K \cup L)$

- 33** Plot batang-dan-daun di bawah menunjukkan diameter gandar roda yang dihasilkan oleh sebuah mesin.

Diameter Gandar Roda	
Batang	Daun
24	5 6 6 8
25	0 1 1 2 3 6
26	0 0 0 1 3 3 4 5 8 9
27	3 4 4 5 7 8 8
28	2 3 6


Kekunci : 24 | 5 bermaksud 24.5 mm

Seorang mekanik mendapati dia perlu mengurangkan diameter gandar roda yang melebihi 27.3 mm supaya gandar dapat dimasukkan ke dalam roda. Hitung peratusan gandar roda yang perlu dikurangkan diameternya.

- A** 20
B 24
C 26
D 30
- 34** Sebuah kotak yang mengandungi tiga batang pen kuning, lima batang pen merah dan sebatang pen hitam. Dua batang pen dipilih secara rawak dari kotak. Hitung kebarangkalian bahawa kedua-dua batang pen yang dipilih berwarna sama.

- A** $\frac{13}{36}$
B $\frac{1}{4}$
C $\frac{9}{24}$
D $\frac{13}{24}$

- 35 Antara yang berikut, siapakah yang mematuhi konsep **SMART**?
- A Cik Aini seorang guru yang berpendapatan RM3 000 ingin mendirikan rumah tangga dalam masa dua tahun. Anggaran perbelanjaan perkahwinan berjumlah RM30 000. Oleh itu, beliau ingin menyimpan sebanyak RM1 000 sebulan bagi jangka masa dua tahun.
 - B Encik Brian ingin membeli sebuah rumah berharga RM 200 000 jika beliau mempunyai jumlah duit yang mencukupi.
 - C Puan Adibah ingin membeli sebuah komputer riba yang bernilai RM3 000 sebagai Hadiah bagi hari jadi anaknya. Oleh itu, beliau telah bercadang untuk menyimpan RM 300 sebulan bagi 10 bulan.
 - D Alias ingin menyambut Hari Keluarga di Port Dickson dengan menggunakan duit baki pendapatan yang diperolehi.
- 36 Rajah 36 menunjukkan satu gabungan pepejal yang terbentuk daripada cantuman kiub dengan satu prisma tegak. Isipadu prisma adalah 1.5 kali isi padu kiub



Rajah 36

Hitung tinggi h dalam m.

- A 0.65
- B 0.75
- C 0.85
- D 0.95

- 37 Jadual 37 menunjukkan maklumat bagi buku yang dibeli oleh Fauzi.

Mata pelajaran	Harga sebuah buku
Matematik	RM12
Sains	RM 8





Jadual 37

Fauzi membeli x buah buku Matematik dan y buah buku Sains. Jumlah buku yang dibelinya ialah 7 buah. Fauzi membayar RM 100 dan mendapat baki duit sebanyak RM 32 untuk buku-buku yang dibelinya.

Hitung jumlah bilangan buku Matematik dan buku Sains yang dibeli oleh Fauzi.

- A** $\begin{pmatrix} 4 \\ 1 \end{pmatrix}$
- B** $\begin{pmatrix} 4 \\ 2 \end{pmatrix}$
- C** $\begin{pmatrix} 3 \\ 2 \end{pmatrix}$
- D** $\begin{pmatrix} 3 \\ 4 \end{pmatrix}$

- 38 Berdasarkan rajah di bawah, yang manakah rajah yang mempunyai taburan pencong ke kanan ?



- 39** Nyatakan 1420_8 kepada asas sepuluh
- A** 720_{10}
 - B** 748_{10}
 - C** 784_{10}
 - D** 794_{10}
- 40** Kos perubatan Aliah yang dilindungi polisi insuransnya berjumlah RM10 500. Dia ingin menuntut pampasan daripada polisi insurans perubatan utamanya yang mempunyai peruntukan deduktibel sebanyak RM 500 dan penyertaan peratusan ko-insurans 80/20. Hitung bayaran yang perlu ditanggung oleh Aliah.
- A** RM 1500
 - B** RM 1800
 - C** RM 2100
 - D** RM 2500

Kertas Soalan Tamat